



# Kes HFMD Pahang meningkat 19 kali ganda

Oleh [Asrol Awang](#) - Julai 4, 2022 @ 1:32pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Foto hiasan

KUANTAN: Kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Pahang meningkat 19 kali ganda sejak awal Januari sehingga kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus, berkata berdasarkan statistik sebanyak 4,555 kes direkod, peningkatan sebanyak 19 kali ganda berbanding 239 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, sebanyak 92 kes HFMD dilaporkan bagi tempoh 26 Jun hingga kelmarin iaitu penurunan sebanyak 43 peratus dari minggu sebelumnya sebanyak 160 kes.

"Daripada 4,555 kes, sebanyak 175 kes atau 3.9 peratus adalah kes yang dikenal pasti hasil daripada penularan yang berlaku di taska, tadika dan prasekolah.

"Sebanyak 4,380 kes atau 96.1 peratus berlaku secara sporadik. Sehingga kelmarin, sebanyak 1,661 premis dilawati dan daripada jumlah itu 36 premis ditutup mengikut Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Dr Nor Azimi berkata, kes HFMD banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia hingga enam tahun iaitu sebanyak 4,058 kes atau 89.1 peratus.

Katanya, ia diikuti kumpulan usia 7 hingga 12 tahun iaitu sebanyak 417 kes atau 9.1 peratus dan 80 kes atau 1.8 peratus berlaku dalam kalangan individu berusia lebih 12 tahun.

"Majoriti kes HFMD pulih tanpa rawatan dan hanya 109 kes atau 2.4 peratus yang dimasukkan ke hospital untuk pemantauan lanjut," katanya.